



***ELEMEN BALAGHAH MELALUI PEMAPARAN SIFAT BAKHIL DALAM
KARYA AI-BUKHAL Ā' OLEH AI-J Āḥī Z***

SALAHUDDIN MD. NOR

FBMK 2019 33



**ELEMEN BALAGHAH MELALUI PEMAPARAN SIFAT BAKHIL DALAM
KARYA *Al-Bukhal Ā' OLEH AL-J Āhi Z***



**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

April 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Mastera Sastera

**ELEMEN BALAGHAH MELALUI PEMAPARAN SIFAT BAKHIL DALAM
KARYA *Al-Bukhalā'* OLEH *Al-Jāhiẓ***

Oleh

SALAHUDDIN MD. NOR


April 2018

Pengerusi : Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan menilai unsur balaghah yang terdapat dalam karya *al-Bukhalā'* oleh al-Jāhiẓ . Penelitian awal mendapati kajian terhadap sifat bakhil dalam karya al-Jāhiẓ kurang mendapat perhatian dalam kajian sastera. Kebanyakan kajian sastera lebih tertumpu melihat elemen falsafah dan nilai kemasyarakatan yang cuba ditampilkan oleh al-Jāhiẓ di dalam karya *al-Bukhalā'*. Manakala Kebanyakan pengkaji sastera Arab lebih cenderung meninjau unsur retorik yang terdapat dalam al-Quran al-Karim mahupun Hadith Rasulullah S.A.W. Bahkan, sebahagian pengkaji berpandangan bahawa unsur seni balaghah yang terdapat dalam prosa syair adalah lebih indah berbanding dalam bentuk prosa sastera. Maka, tidak hairanlah apabila terdapat pandangan yang berbeza dalam menilai unsur retorik dalam karya sastera berbentuk prosa. Justeru, kajian ini tampil mengisi kekurangan tersebut dan berhasrat menonjolkan aspek retorik yang terdapat dalam karya *al-Bukhalā'* oleh al-Jāhiẓ. Namun begitu tidak semua elemen retorik yang dikeluarkan. Pengkaji hanya memilih elemen retorik yang terpapar sifat bakhil sahaja untuk dianalisis dan diberikan huraihan. Bagi memenuhi keperluan tersebut, kajian ini telah menggariskan dua objektif utama iaitu; 1) Mengenal pasti elemen Balaghah melalui pemapan sifat bakhil dan menghuraikan jenisnya dalam karya *al-Bukhalā'* oleh al-Jāhiẓ. 2) Menganalisis penggunaan elemen al-Balaghah dalam pemaparan sifat bakhil dalam karya *al-Bukhalā'* oleh al-Jāhiẓ. Sebanyak dua puluh cerita yang ditulis oleh al-Jahiz dikumpulkan sebagai data kajian. Data kajian tersebut dikumpul dari kitab *al-Bukhalā'* oleh al-Jāhiẓ sendiri. Kaedah penyelidikan yang digunakan untuk melaksanakan kajian ialah kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Manakala, Pendekatan balaghah oleh al-Qazwini dipilih sebagai kerangka asas kajian untuk tujuan menganalisis teks. Dua puluh cerita *al-Bukhalā'* dianalisis berdasarkan tiga elemen balaghah yang dikemukakan oleh al-Qazwini iaitu: *Ma 'āni* (disiplin ilmu yang mengkaji cara penyampaian sesuatu mesej sesuai dengan *muqtadha al-Hal* (keadaan pendengar), *Bayān* (disiplin ilmu yang membincangkan bagaimana sesuatu makna dapat disampaikan dalam pelbagai bentuk lafaz di samping memiliki kejelasan makna

di dalamnya) dan *Badi* ‘gaya bahasa yang berperanan untuk mengetahui cara memperindah dan mencantikkan kata-kata). Hasil kajian menunjukkan bahawa karya *al-Bukhalā'* oleh al-Jāhiz mempunyai elemen retorik yang meningkatkan keindahan sastera itu sendiri. Keindahan nilai sastera di dalam karya *al-Bukhalā'* ini dibuktikan dengan penggunaan gaya bahasa retorik yang mudah, ringkas dan jauh daripada unsur *al-Takalluf wa al-Tasannu'*. Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa unsur-unsur seni balaghah yang terdapat dalam karya *al-Bukhalā'* memiliki peranan yang signifikan di dalam memberikan kesan kepada pembaca.

Kata kunci : *Al-Bukhala* , *al-Takalluf wa al-Tasannu'* , balaghah, *al-Ma'ani*, *al-Bayan*



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment
of the requirement for the degree of Master of Art

**RETORIC ELEMENTS THROUGH EXPOSURE OF NATURE BAKHIL IN
THE BOOK OF *Al-Bukhalā'* BY *Al-Jāhīz***

By

SALAHUDDIN MD. NOR

April 2018

**Chairman : Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication**

This study aims to analyze and research the rhetorical or al-Balaghah elements contained in al-Bukhala by al-Jāhīz . Initial research found the study of nature Bakhil in al-Jāhīz 's work received less attention in literary studies. Most literary studies are more focused on the elements of philosophy and social values that are attempted by Al-Jahiz in *al-Bukhala'*. When most Arab literary reviewers are more likely to review the rhetorical elements contained in the Qur'an and Hadith of Prophet Muhammad. In fact, some scholars have a view that the elements of balaghah art in prose poem are more beautiful than in the form of literary prose. So, no wonder if there is a different view in assessing the rhetorical elements in literary works in the form of prose. Indeed, this study appears to fill the deficiency and aspires to highlight the rhetorical aspects contained in Al-bukhala' by al-Jāhīz . However, not all rhetorical elements are excluded. The reviewer chooses only the rhetorical elements exposed in the herbs to be analyzed and given a description. To meet this need, this study has drawn two main objectives; 1) Recognize the element of al-Balaghah in the exposition of giddy character and describes his kind in al-Bukhala by al-Jāhīz. 2) Analyze the use of elements of al-Balaghah in the expression of giddy character in al-Bukhala by al-Jāhīz. A total of twenty stories written by al-Jāhīz were collected as the study data. The data of the study were collected from al-Bukhala by al-Jāhīz himself, and the investigations used to carry out the study were literature review and content analysis. The Rhetorical Approach by al-Qazwini was chosen as the framework of the study for the purpose of analyzing the text. 20 stories of al-Bukhala 'were analyzed on the basis of three rhetorical elements proposed by al-Qazwini namely: *al-Ma'ani* (a discipline that examines the way of delivering a message according to the *muqtadha al-Hal* (state of the hearer), *al-Bayan* (discipline which discusses how meaning can be conveyed in various forms of lafaz in addition to having clarity of meaning in it) and *al-Badi'*. The results of the study show that *al-Bukhalā'* al-Jāhīz has a rhetorical element that enhances the beauty of the literature itself. The beauty of literary value in the work of

al-Bukhala 'is evidenced by the use of a rhetorical style that is easy, concise and far removed from *al-Takalluf wa al-Tasannu'* elements.

Keywords: *Al-Bukhala* , *Al-Takalluf wa Al-Tasannu'*, balaghah, *al-Ma'ani*, *al-Bayan*



PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمَرْسِلِينَ ، وَعَلَى اللَّهِ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ .
أَمَّا بَعْدُ ،

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Sarjana Sastera Bahasa Arab, Universiti Putra Malaysia.

Seterusnya, saya mengambil kesempatan yang ada untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada barisan Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini iaitu Dr. Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok dan Dr. Muhd. Zulkifli Ismail yang telah banyak membantu, membimbang, memberi tunjuk ajar dan menyelia kerja-kerja penyelidikan sehingga tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Terima kasih juga saya rakamkan kepada semua kakitangan dan pensyarah Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang banyak membantu sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Jutaan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberikan saya peluang untuk menyambung pelajaran dan membiayai penuh pengajian saya selama dua tahun di Universiti Putra Malaysia.

Terima kasih juga ditujukan kepada semua pegawai dan staf Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Kolej Universiti Insaniah Kedah yang telah memberikan pelbagai bantuan dan kemudahan dalam menyiapkan kajian ini.

Juga tidak dilupakan penghargaan ini kepada kedua-dua ibu bapa al-Fadhil Hj Md. Nor Bin Hj Md. Yassin dan al-Fadhil Hj Marzuki Bin Hj Mahmood dan Ummi Siti Aisyah Binti Omar serta Mama Rahmah Binti Mahmud yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Juga buat isteri, Dr. Raihan Binti Dr Marzuki dan anak-anak tersayang Ammar, Awatif, Aish dan Alya kerana amat memahami, memberi dorongan dan sokongan sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis.

Akhir kata, harapan saya agar usaha dan kerjasama semua pihak dapat diterima dan diberi ganjaran sebagai sebahagian daripada amal kebaikan oleh Allah S.W.T. Sesungguhnya segala kekurangan dan kelemahan datangnya daripada saya kerana sesuatu yang lengkap dan sempurna itu milik-Nya sahaja. Terima kasih.

SALAHUDDIN BIN HAJI MD. NOR

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Mastera Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Muhd. Zulkifli Ismail, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Salahuddin Md. Nor, GS36166

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan:

Dr. Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok

Tandatangan: _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan:

Dr. Muhd. Zulkifli Ismail

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI TRANSLITERASI	xv
SENARAI SINGKATAN	xviii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latarbelakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Soalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Skop dan limitasi Kajian	7
1.7 Definisi Operasional	8
1.7.1 Elemen balāghah	8
1.7.2 Al- Bukhalā'	9
1.8 Kesimpulan	10
2 SOROTAN LITERATUR KAJIAN	12
2.1 Pengenalan	12
2.2 Al-Jāhiz dan sumbangan dalam ilmu balāghah	12
2.3 Kajian terhadap ilmu balāghah	15
2.3.1 Definisi ilmu balāghah	18
2.3.2 Definisi ilmu <i>Bayān</i>	20
2.3.2.1 <i>Tasybīh</i>	20
2.3.2.2 <i>Isti’arah</i>	21
2.3.2.3 <i>Majāz Mursal</i>	22
2.3.2.4 <i>Kināyah</i>	23
2.3.3 Definisi ilmu <i>al-Ma’āni</i>	24
2.3.3.1 <i>Uslūb Khabariy</i>	24
2.3.3.2 <i>Uslūb Insyā’iy</i>	25
2.3.3.3 <i>Ījāz</i>	28
2.3.3.4 <i>Musāwāh</i>	30
2.3.3.5 <i>Ithnab</i>	30
2.3.4 Definisi ilmu <i>Al-Badī‘</i> .	31
2.3.4.1 <i>Tibaq</i>	32
2.3.4.2 <i>Muqabalah</i>	32
2.3.4.3 <i>Jinās</i>	33
2.3.4.4 <i>Iqtibas</i>	33

2.3.4.5	<i>Saj'u</i>	34
2.3.5	Definisi al-Bukhalā'.	36
2.4	Kajian terhadap al-Jāhiz dan karya <i>al-Bukhalā'</i> .	37
2.5	Analisis Kritis	38
2.6	Kesimpulan	39
3	METODOLOGI KAJIAN	41
3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	43
3.4	Kaedah Kajian	44
3.4.1	Kajian Kepustakaan	44
3.4.2	Analisis Kandungan	47
3.5	Subjek Kajian	48
3.6	Prosedur Kajian	48
3.7	Penganalisaan Data	49
3.8	Kesimpulan	50
4	ANALISIS DAN PERBINCANGAN	51
4.1	Pendahuluan	51
4.2	Dapatkan Kajian bagi objektif pertama :	52
4.2.1	<i>Unsur Ilmu Bayān</i>	52
4.2.1.1	<i>Tasybīh</i>	52
4.2.1.2	<i>Isti 'ārah</i>	54
4.2.1.3	<i>Majāz Mursal</i>	56
4.2.1.4	<i>Al-Kināyah</i>	57
4.2.2	<i>Ilmu Ma 'āni</i>	58
4.2.2.1	<i>Uslūb Khabariy</i>	58
4.2.2.2	<i>Uslūb Insyā 'iy</i>	60
4.2.2.3	<i>Ījāz</i>	62
4.2.2.4	<i>Al-Musāwāh</i>	63
4.2.2.5	<i>Itnāb</i>	64
4.2.3	<i>Al-Badī'</i>	66
4.2.4	<i>Al-Tibāq</i>	66
4.2.4.1	<i>Muqābalah</i>	68
4.2.4.2	<i>Jinās</i>	69
4.2.4.3	<i>Iqtibās</i>	69
4.2.4.4	<i>Saj'u</i>	71
4.3	Dapatkan Kajian bagi objektif kedua :	73
4.3.1	<i>Balāghah al-Bayān</i>	73
4.3.1.1	<i>Tasybīh</i>	73
4.3.1.2	<i>Isti 'arah</i>	77
4.3.1.3	<i>Majāz Mursal</i>	82
4.3.1.4	<i>Kināyah</i>	86
4.3.2	<i>balāghah Al-Ma 'ani</i>	89
4.3.2.1	<i>Uslūb Khabariy</i>	89
4.3.2.2	<i>Al-Uslūb al-Insyā 'iy</i>	92
4.3.2.3	<i>Ījāz</i>	96
4.3.2.4	<i>Musāwāh</i>	99

4.3.2.5	<i>Al-Ithnab</i>	101
4.3.3	balāghah <i>Al-Badī‘</i>	103
4.3.3.1	<i>Tibāq</i>	104
4.3.3.2	<i>Muqābalah</i>	106
4.3.3.3	<i>Jinās</i>	110
4.3.3.4	<i>Iqtibās</i>	111
4.3.4	<i>Saj’u</i>	115
4.4	Kesimpulan	118
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	119
5.2	Rumusan	119
5.2.1	Objektif Pertama	119
5.2.2	Objektif Kedua	121
5.3	Cadangan	123
5.4	Penutup	124
RUJUKAN		125
BIODATA PELAJAR		132
SENARAI PENERBITAN		133

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Dua puluh kisah di dalam jilid pertama kitab <i>al-Bukhalā'</i>	47
2	Contoh senarai <i>al-Tasybih</i> di dalam karya <i>al-Bukhala'</i> oleh <i>al-Jahiz</i>	53
3	Contoh <i>Isti 'ārah</i> di dalam karya <i>al-Bukhalā'</i> oleh <i>al-Jāhiz</i>	55
4	Contoh <i>Majaz Mursal</i> di dalam karya <i>al-Bukhalā'</i>	56
5	Contoh <i>al-Kinayah</i> di dalam karya <i>al-Bukhalā'</i>	57
6	Contoh <i>Uslūb Khabariy</i> di dalam karya <i>al-Bukhalā'</i>	59
7	Contoh <i>Uslub Insyāiy</i> di dalam karya <i>al-Bukhalā'</i> oleh <i>al-Jāhiz</i>	60
8	Contoh Lafaz <i>Al-Ijaz</i> di dalam karya <i>al-Bukhalā'</i>	62
9	Contoh <i>al-Musāwah</i> di dalam karya <i>al-Bukhalā'</i>	63
10	Contoh <i>Itnāb</i> di dalam karya <i>al-Bukhalā'</i>	64
11	Contoh <i>al-Tibāq</i> di dalam karya <i>al-Bukhalā'</i>	66
12	Contoh <i>al-Muqābalah</i> di dalam karya <i>al-Bukhalā'</i>	68
13	Contoh <i>Jinās</i> di dalam karya <i>al-Bukhalā'</i> oleh <i>al-Jāhiz</i>	69
14	Contoh <i>Iqtibās</i> dalam karya <i>al-Bukhalā'</i> oleh <i>al-Jāhiz</i>	70
15	Contoh Lafaz <i>Iqtibās</i> di dalam karya <i>al-Bukhalā'</i>	70
16	Contoh Lafaz <i>al-Saj'u</i> di dalam karya <i>al-Bukhala'</i> oleh <i>al-Jahiz</i>	71

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1 Elemen Balaghah sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-Qazwiniy	42
2 Kerangka Konseptual Kajian yang dirangka berdasarkan Pendekatan Jalāl al-Din al-Qazwīnī (Wafat:739H) di dalam kitab al-Idhāh	43
3 Carta alir bagi proses menganalisis data kajian	50



SENARAI TRANSLITERASI

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ء	,	سآل	Sa'ala
ب	B	بدل	Badala
ت	T	تمر	Tamr
ث	Th	ثورۃ	Thawrah
ج	J	جمال	Jamal
ح	H	حديث	Hadith
خ	Kh	خالد	Khalid
د	D	ديوان	Diwan
ذ	Dh	مذهب	Madhab
ر	R	رحمان/ رحمن	Rahman
ز	Z	زمزم	Zamzam
س	S	سراب	Sarab
ش	Sh	شمس	Shams
ص	S	صبر	Sabr
ض	D	ضمیر	Dimir
ط	T	ظاهر	Tahir
ظ	Z	ظهر	Zuhr
ع	C	عبد	Abd
ف	Gh	غیب	Ghayb
غ	F	فقہ	Fiqh
ع	Q	قاضی	Qadi

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ك	K	كأس	Ka's
ل	L	لبن	Laban
م	M	مزمار	Mizmar
ن	N	نوم	Nawm
هـ	H	هبط	Habata
وـ	W	وصل	Wasl
يـ	Y	يسار	Yasar

VOKAL

VOKAL PENDEK

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
—ُ—	A	فَعْل	Fa'ala
—ِ—	I	حَسِبَ	Hasiba
—ُـ	U	كُتِبَ	Kutiba

VOKAL PENDEK

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ىـ	A	كاتب، قضى	katib, qada
يـ	I	كريم	Karim
وـ	U	حروف	Huruf

PENGECUALIAN

1. Huruf Arab ﴿ (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada “a” bukan kepada ’.

Contoh : أَكْبَرْ

Transliterasi: akbar bukan ‘akbar

2. Huruf Arab ئ ، ة ، ئ (ta’ marbutah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan t.

Contoh : وزَارَةُ التَّعْلِيمِ

Transliterasi: wizarat al-ta^clim

Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir ta’ marbuta

DIFTONG

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
فُ	Aw	فَوْلٌ	Qawl
يُ	Ay	سَيْفٌ	Sayf
يَّ	Iyy	رَجَعَيْ	raj ^c iyy atau raj ^c i (di akhir) ^c aduww
وُ	uww	عُدُوٌّ	(di akhir) atau ^c adu (di akhir)

ditransliterasikan kepada h.

Contoh

a. المكتبة الأهلية

b. قلعة

c. دار وهبة

Transliterasi

al-Maktabah al-Ahliyyah

qal^cah

Dar Wahbah

SENARAI SINGKATAN

Bab Pertama	B1
Data Pertama	D1
muka surat	ms
pnyss.	Penyusun
pnyt.	Penyunting
ed.	edisi, editor/ oleh
et al.	dan pengarang-pengarang lain
t.th.	tiada tarikh
t.tp.	tiada tempat
t.pt.	tiada penerbit
trj.	Terjemahan
JLD.	jilid

BAB 1

PENDAHULUAN

Zaman ‘Abbāsiyyah adalah satu zaman yang menyaksikan wujudnya perkembangan ilmu sastera Arab dan ketamadunan bangsa yang pesat. Ini adalah berpunca daripada pertembungan budaya, ilmu dan politik antara tamadun Arab, Parsi dan India. Tamadun India dan Parsi pada ketika itu amat terkenal dengan ketinggian falsafah dan tamadunnya (‘Izzuddin:1975).

Menurut Shawqi Dayf (1973), antara cendekiawan Arab yang terkesan dengan budaya baharu dan perkembangan ilmu pada zaman tersebut termasuklah al-Jāhiz . Beliau menjadi salah seorang tokoh cendekiawan Islam yang menjadi pelopor dan penyumbang kepada perkembangan ketamadunan Arab pada zaman ‘Abbāsiyyah. Al-Jāhiz (159H-255H) muncul di tengah-tengah kerajaan bani ‘Abbāsiyyah sebagai tokoh berwibawa dalam bidang kesusteraan. Karya-karya yang dihasilkan oleh beliau diakui mempunyai kekuatan dan keistimewaan tersendiri sama ada dari sudut pemikiran, bahasa, sastera Islam dan sumbangannya dalam mengangkat nilai dan martabat bahasa dan sastera Arab di zamannya (Shawqi Dayf :1973).

Hal ini diakui oleh Taha Hussien sewaktu beliau memperkatakan tentang kitab al-Bayān wa al-Tabyin yang dihasilkan oleh al-Jāhiz seperti berikut;

“Tidak keterlaluan jika kita mengatakan bahawa al-Jāhiz merupakan pengasas ilmu balāghah Arab. Dia telah mengkhususkan buat kali pertamanya kitab al Bayan wa al- Tabyin dan menyerapkan banyak pemerhatiannya dan orang-orang yang sezaman dengannya dalam disiplin ilmu ini. Dia juga melihat zaman sebelumnya dengan menceritakan pandangan bangsa Arab dan bukan Arab.” (Mohammad ‘Ali, 1989).

Atiq, Abd. Al- Aziz (1985) turut sepandapat dalam hal ini. Menurut beliau, al-Jāhiz dipandang sebagai tokoh yang berjasa dalam sejarah perkembangan ilmu balāghah secara umum dan ilmu Bayān secara khusus, melalui karya yang dihasilkan oleh beliau yang berjudul al-Bayān wa al-Tabyin.

Menerusi kitab al-Bayān wa al-Tabyin, al-Jāhiz menyatakan pandangan beliau terhadap pengertian balāghah.

“Seorang itu dianggap sebagai ahli balāghah apabila ia dapat memahamkan kepada kamu sesuatu maksud tanpa ulangan, tersekut atau tanpa menggunakan bantuan lain.” (al-Jāhiz : t.t:39).

Ijāz

Al-Jāhiz juga turut meriwayatkan takrif balāghah pada pandangan orang Parsi, Yunan, Rom, dan India.

“Al-Jāhiz berkata, apabila seorang Parsi ditanya pengertian balāghah? Lalu orang Parsi itu menjawab; dengan mengetahui tentang al-fasl dan al-wasl. Kemudian seorang Yunani pula ditanya pengertian balāghah? Orang Yunani itu menjawab; balāghah adalah dengan memperbetulkan pemilihan percakapan. Seorang Rom pula ditanya, apakah maksud balāghah ? Dia menjawab; bijak memilih di awalan dan banyak ucapan pada waktu ketandusan. Seorang India pula ditanya, apakah balāghah? Dia menjawab, dalil yang nyata, peluang yang diambil dan penampilan yang baik”. (Abd. ‘Aziz ‘Atiq, 1985).

Demikianlah pengamatan al-Jāhiz berkaitan ilmu balāghah, kesemua pengamatan dan pemerhatiannya berkaitan ilmu balāghah telah banyak membantu para sarjana dalam bidang balāghah selepasnya menyusun dan mengkategorikan ilmu balāghah seperti yang ada pada hari ini.

Pengamatan al-Jāhiz turut berkisar tentang kehidupan Masyarakat ‘Abbāsiyyah. Justeru itu, di penghujung hayat, beliau menghasilkan sebuah karya berjudul *al-Bukhalā* yang bertujuan untuk memaparkan falsafah dan pemikiran golongan bakhil yang terdapat di zamannya. Karya ini menjadi sumber yang penting dalam merakamkan sejarah kehidupan masyarakat di Zaman ‘Abbāsiyyah. Di dalam karya ini beberapa nama tempat dan nama individu direkodkan yang merupakan sumber terpenting dalam menentukan ketepatan khazanah ilmu yang pernah dikuasai oleh sesuatu bangsa di dalam sesebuah tamadun

1.1 Latarbelakang Kajian

Penggunaan elemen balāghah dalam penulisan telah bermula sejak zaman Yunani lagi. Bangsa Yunani menganggap kata-kata yang mampu mempengaruhi perlakuan manusia sebagai sesuatu yang suci. Setiap ungkapan yang mempunyai kekuatan makna dan kefasihan bernilai tinggi dalam kalangan mereka (Jarrat:1991)

Bagi tamadun Arab pula, perkembangan kesasteraan Arab pada era jahiliyah diwarnai oleh adanya perkembangan pelbagai bentuk sastera, baik prosa maupun puisi yang dikembangkan oleh orang-orang Arab pada masa itu. Perkembangan

tersebut didokong oleh kegiatan yang berlangsung pada musim haji pada setiap tahun, seperti pertandingan pidato dan pertandingan mempamirkan kehebatan sya'ir, yang diadakan di pusat kegiatan pada waktu itu iaitu di ‘Suq ‘Ukkaz’. Kegiatan-kegiatan seperti itu memberi peluang yang besar kepada penyair untuk mengembangkan kemampuan gaya bahasa mereka dengan ungkapan-ungkapan yang menarik, baik daripada segi zahir lafaz, keindahan kata yang digunakan, maupun kandungan maknanya (Shawqi Dayf :1973).

Selanjutnya menurut Ahmad Matlub (1980), bangsa Arab pada masa jahiliyah tersebut telah mencapai tahap yang tinggi dalam menggunakan balāghah. Para penyair dan sasterawan pada zaman tersebut berjaya dan mampu untuk mengekspresikan pemikiran-pemikiran mereka dengan penggunaan seni bahasa yang indah dan puitis dengan memasukkan unsur balāghah dalam ungkapan al-syi’ru mereka.

Apabila Islam datang, perkembangan ilmu balāghah menjadi semakin subur. Ternyata al-Qur'an yang diturunkan dan al-Hadis yang diungkapkan oleh Rasulullah kepada kaumnya ini lebih banyak mengekspresikan sesuatu maksud dalam bentuk Tasybīh, al-Majāz dan Isti'ārah (Ahmad Matlub:1980).

Setelah kewafatan Rasulullah dan berakhirnya zaman Khulafa al-Rasyidin, minat para sarjana memahami Quran turut semakin mendalam. Ini terus merancakkan perkembangan ilmu balāghah bermula dengan kerajaan Bani Umayyah sehingga berakhirnya kerajaan bani Abbasiyah. Namun begitu, penelitian terhadap ilmu balāghah pada peringkat awal kelihatan belum lengkap dan sempurna. Ia terus mengalami perkembangan sedikit demi sedikit. Bermula dengan kajian sastera terhadap beberapa al-Syi’ru dan pidato-pidato zaman Jahiliah, diikuti pula dengan ulasan dan kritikan terhadap al-Syi’ru dan sastera di peringkat awal Islam, sehingga kepada masa pemerintahan kerajaan Abbasiyah, ia terus mengalami perkembangan yang berterusan (Shawqi Dayf :1961)

Perkembangan ilmu balāghah menjadi semakin baik dengan munculnya para tokoh yang berwibawa. Kebanyakkannya mereka memberikan sepenuh tumpuan terhadap ilmu ini. Tujuan asal mereka adalah memberikan khidmat terhadap Quran dan cara penafsirannya. Maka muncullah tokoh-tokoh besar Islam pada permulaan abad ketiga hijrah. Tokoh ilmuan adalah seperti; Abu ‘Ubaidah (w. 211 H), Ibnu Qutaibah (w. 276 H), Ibnu Hasan al-Rumani (w. 284 H) dan al-Farrā’ (w.207 H).

Kemudian disusul dengan kemunculan Imam Al-Sakkaki pada abad ke-7 H yang semakin mematangkan kewujudan Ilmu balāghah sebagai disiplin Ilmu yang lengkap dan mantap dengan memetakannya menjadi tiga cabang ilmu sebagai komponennya, iaitu Ilmu al-Ma‘āni , ilmu Bayān, dan ilmu Al-Badī‘. Namun antara ilmu Bayān dan ilmu Al-Badī‘ beliau menggabungkannya ke dalam satu istilah Ilmu yang dinamakan ilmu al-Mahasin yang terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Al-Mahasin al-Lafziyyah dan Al-Mahasin al-Ma’awiyyah. Beliau menyusun sebuah karya besar yang

menghuraikan ilmu tersebut disamping ilmu-ilmu pengetahuan bahasa Arab lainnya. Kitab tersebut dikenal dengan nama Miftahul ‘Ulum (Ahmad al-Maraghi: 1946:30).

Seterusnya berlaku pemurnian ilmu balāghah dengan perletakkan tiga istilah ilmu balāghah yang dikenali dengan nama al-Ma‘āni , Bayān, dan Al-Badī‘. Usaha ini dilakukan oleh Al-Khatib al-Qazwiny (w.729 H) pada awal abad ke-8 Hijrah. Beliau memasukkan ringkasan dari kitab Miftah al-‘Ulum karya Al-Sakkaki yang berjudul Talkhisul Miftah dan al-Īdhāh (Ahmad al-Maraghi:1946:31).

1.2 Pernyataan Masalah

Aspek terpenting dalam menghasilkan karya sastera yang bermutu terletak kepada penulis yang berjaya membuat olahan, susunan atau gaya bahasa yang menarik dan berkesan kepada pembaca tanpa mengambil kira samada karya tersebut adalah al-sy’ru ataupun prosa.Sebagaimana kita sedia maklum bahawa al- Jahiz merupakan tokoh yang berwibawa di dalam ilmu balāghah menerusi pelbagai karya yang dihasilkan oleh beliau antaranya kitab al-Bayān wa al-Tabyin, al-Bukhalā‘, Risalah al-Ghufran, al-Hayawan dan sebagainya. Di dalam setiap baris penulisannya akan terlihat pelbagai unsur estetika seperti elemen al-Ma‘āni , Bayān dan Al-Badī‘. Unsur ini kelihatan dalam ayat dan makna yang ingin disampaikan oleh beliau (‘Amir Syattuh:2009).

Al-Bukhalā‘ adalah antara karya prosa terbaik yang dihasilkan oleh al-Jāhiz . Karya ini menarik kerana memiliki unsur kejelasan dari sudut bahasa dan gaya penyampaiannya disamping memiliki ketinggian makna di dalamnya. Makna yang ingin disampaikan, amat bersesuaian dengan keadaan pendengar mahupun pembaca.

Selain itu, karya ini turut diselangselikan dengan unsur unsur jenaka dan dialog serta elemen penceritaan (al-Qissah) dalam mengetengahkan isu kemasyarakatan di zamannya. Amat jarang ditemui dalam karya beliau penggunaan bahasa yang samar dan tidak jelas yang mencacatkan karya tersebut sebagai karya sastera. Di dalam karya ini suasana kehidupan masyarakat pada Zaman Abbasiyah direkodkan. Beliau memaparkan secara nyata kehidupan masyarakat yang mendukung mazhab bakhil dengan gaya bahasa yang indah dan menarik serta puitis. Kebijaksanaan beliau dalam mengupas isu bakhil dalam gaya dan bentuk yang amat berbeza ini turut menyerlahkan kebijaksanaan beliau menggunakan prosa sebagai wadah untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan (Hana Fakhuri:1991).

Ini menjadikan karya ini bersifat santai dan menyeronokkan pembaca. Karya yang baik adalah sebuah karya yang tidak menjemukan. Pembaca turut akan merasai pengalaman al-Jāhiz secara peribadi dalam pergaulannya bersama penduduk al-Marwa di daerah Khurasan melalui penghasilan kitab al-Bukhalā‘.

Beliau dalam karya al-Bukhalā' menonjolkan pelbagai watak masyarakat yang berpegang dengan Mazhab bakhil. Antara ciri-ciri dan watak yang terdapat di dalam mazhab bakhil ialah bertunjangkan kepada saranan untuk saling menasihati agar menjaga harta dan tidak membelanjakan dengan banyak kerana ianya sukar untuk diperoleh. Watak kedua adalah watak golongan sentiasa mengelak daripada di datangi tetamu kerana bimbang akan mengurangkan harta yang dihimpun sekian lama. Karya al-Bukhalā' juga turut memaparkan watak golongan bakhil yang sentiasa memilih makanan yang murah dan berkualiti rendah asalkan cukup untuk mengenyangkan tanpa memikirkan tentang rasanya. Watak lain yang turut dipaparkan ialah watak orang tua yang menyampaikan nasihat demi nasihat di dalam mendidik ahli keluarga mereka terutamanya cucu mereka agar hidup secara bakhil. Tujuan mereka tidak lain agar falsafah bakhil dan pegangan mereka ini berkembang di kalangan ahli keluarga serta anak cucu mereka menjadi sebuah mazhab yang dianuti.

Pemaparan terhadap watak bakhil ini tergambar dalam setiap bentuk dan gaya. Kadangkala watak ini zahir dalam dialog antara golongan ini dengan masyarakat setempat. Adakalanya watak bakhil muncul dalam himpunan nasihat yang disampaikan oleh golongan yang telah tua kepada generasi muda mereka. Bahkan kadangkala watak ini muncul dalam bentuk tindakan dan cara hidup dan pemikiran mereka yang berbeza dengan masyarakat umum yang berada di sekeliling mereka.

Keunikan karya al-Bukhalā' ini yang memaparkan kepelbagaiannya watak bakhil di dalamnya menjadikan karya ini lebih diminati dalam kalangan ramai pengkaji sebelum ini. Antaranya mengenai karya al-Bukhalā' antaranya oleh Muhammad Juwaily (1990), Hafiz Raqiq (2004), Abdul Karim al-Fazani (2010), dan Bahiyah Sa'du (2010) serta lainnya. Namun, kajian-kajian ke atas kitab al-Bukhalā' tersebut lebih berkisar kepada kajian analisis tentang corak pemikiran al-Jāhiz , cerminan kehidupan masyarakat bermazhab bakhil, dan kajian berbentuk analisis struktural. Namun begitu hampir kesemua kajian tersebut lebih memfokuskan kepada elemen selain daripada unsur aspek balāghah.

Selain itu, kajian terhadap kitab al-Bukhalā' turut dilakukan oleh Hamid Tahir (2010), melalui kajiannya, beliau cuba menzahirkan kebijaksanaan al-Jāhiz menonjolkan nilai sastera dengan pendekatan yang menyeronokkan dan ceria serta turut disulami dengan dialog. Kajian yang memberi tumpuan khusus kepada aspek balāghah khususnya yang wujud di dalam pemaparan watak bakhil yang cuba ditonjolkan oleh al-Jāhiz di dalam karya al-Bukhalā' masih kurang dijalankan.

Watak bakhil adalah watak utama dalam penghasilan karya al-Bukhalā'. Melalui pemaparan watak-watak inilah karya al-Bukhalā' memainkan peranan dan fungsinya. Dalam sesbuah karya seni, watak-watak inilah yang menjadi pemain utama. Namun begitu, kajian terhadap pemaparan watak-watak ini masih belum dijalankan oleh mana-mana pengkaji.

Justeru itulah pengkaji cuba untuk melihat sejauh mana wujudnya elemen balāghah yang dipaparkan melalui watak bakhil di dalam karya al-Bukhalā'. Bukan itu sahaja, pengkaji juga ingin melihat apakah elemen balāghah yang mendominasi dalam karya tersebut serta jenisnya. Bahkan sejauh mana elemen balāghah turut memberikan sumbangan samada secara langsung ataupun tidak langsung dalam memaparkan watak bakhil dengan cara yang lebih berkesan.

1.3 Soalan Kajian

Untuk mencapai objektif kajian yang dinyatakan, kajian ini cuba menjawab soalan-soalan yang berikut:

- 1 Adakah wujud elemen balāghah dalam karya *al-Bukhalā'* oleh al-Jāhiz serta apakah jenisnya?
- 2 Bagaimanakah elemen balāghah digunakan oleh al-Jāhiz dalam pemaparan watak bakhil di dalam karya *al-Bukhalā'* ?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif untuk menjelaskan aspek balāghah yang merangkumi unsur gaya dan jenis dalam kitab al- Al-Bukhalā' oleh al-Jāhiz .

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk;

1. Mengenal pasti elemen balāghah melalui pemaparan watak bakhil dan menentukan jenisnya dalam karya *al-Bukhalā'* oleh al-Jāhiz .
2. Menjelaskan elemen balāghah melalui pemaparan watak bakhil dalam karya *al-Bukhalā'* oleh al-Jāhiz .

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan membuktikan wujudnya kekuatan dan keindahan seni sastera bahasa Arab dalam karya sastera al-Jāhiz terutamanya kitab al-Bukhalā' yang ditulis pada fasa awal kerajaan Abbāsiyyah. Kajian ini secara tidak langsung akan mengubah persepsi bahawa karya penulisan berbentuk prosa seperti kitab al-Bukhalā' bukan hanya sebuah karya humor dan jenaka semata-semata tanpa wujud nilai keindahan bahasa atau elemen balāghah di dalamnya.

Kajian ilmiah ini diharap akan dapat menambahkan lagi khazanah ilmu dalam bidang pengkajian Kesusteraan Arab. Dalam konteks pengkajian terhadap karya-karya sastera Arab di Malaysia, kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pengkaji sastera

Arab untuk melihat dan memahami karya sastera Arab dengan lebih mendalam dan dekat dengan cara yang lebih objektif.

Pengkaji meyakini bahawa kajian ini juga dapat menambahkan sumber rujukan di dalam bidang balāghah yang dianggap masih baharu dan kurang diketengahkan dalam kalangan pengkaji.

Dapatkan kajian ini juga boleh menjadi asas kepada kajian-kajian yang lebih luas dan mendalam berkenaan dengan ilmu balāghah di Malaysia. Kajian-kajian seperti ini amat diperlukan memandangkan bahasa Arab menjadi bahasa sekunder masyarakat Islam di Malaysia dan tidak ramai yang menguasai bahasa Arab secara mendalam. Dengan ada kajian-kajian seperti ini, diharap dapat membuka minda mereka berhubung kepentingan bahasa Arab di dalam memahami ilmu Islam di tangan tokoh-tokoh Islam yang hebat dari zaman silam sehingga kini.

1.6 Skop dan limitasi Kajian

Kajian ini mempunyai skop dan limitasi seperti berikut:

- i. Pengkaji mengaplikasikan tiga belas elemen balāghah yang terpilih sahaja daripada tiga asas utama ilmu balāghah iaitu ilmu *Bayān*, ilmu *Al-Badī'* dan ilmu *al-Ma'āni*. Antaranya ialah *al-Tashbih*, *Isti'ārah*, *Majāz Mursal*, *Jinās*, *Tibāq*, *Muqābalah*, *Saj'u*, *Uslūb al-Khabar*, *Uslūb al-Insyā'*, *Ījāz*, *Musāwāh*, *Kināyah*, *Iqtibās* dan *Ithnāb*.
- ii. Bahan yang dikaji adalah jilid pertama dari kitab *al-Bukhalā'* mengandungi sebanyak 191 halaman dan memuatkan 20 kisah utama di dalamnya.

Oleh kerana kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti terdapatnya elemen balāghah yang terpapar di dalam watak bakhil di dalam kitab *al-Bukhalā'*, maka skop kajian ini terbatas kepada beberapa perkara iaitu:

- 1) Kajian ini menumpukan kepada proses mengenalpasti kewujudan elemen balāghah dalam karya *al-Bukhalā'* oleh al-Jāhiz dengan memberikan contoh-contoh yang terdapat di dalam kitab tersebut untuk diketengahkan tanpa menghuraikan elemen tersebut secara terperinci.
- 2) Bagi mengenalpasti elemen balāghah tersebut pengkaji membataskan kajian terhadap unsur *Al-Badī'*, *Bayān* dan *al-Ma'aani* yang terpilih. Antara unsur *Bayān* yang menjadi kajian pengkaji seperti *Tasybīh*, *Isti'ārah*, *Majāz Mursal* dan *Kināyah*. Manakala unsur *al-Ma'āni* pula ialah seperti *Uslūb al-Khabar*, *Uslūb al-Insyā'*, *Ījāz*, *Musāwāh* dan *Ithnāb*. Selanjutnya unsur *al-Badī'* yang dikaji adalah *Jinās*, *Tibāq*, *Muqābalah*, *Iqtibās* dan *Saj'u*.
- 3) Kajian ini juga hanya terbatas dalam mengenal pasti unsur balāghah yang memaparkan sikap bakhil dalam jilid pertama sahaja daripada keseluruhan dua jilid dalam kitab *al-Bukhalā'*. Ini adalah kerana setelah melakukan analisis,

pengkaji mendapatkan tiga belas elemen balāghah yang terdapat dalam jilid pertama sahaja sudah dianggap mencukupi untuk memenuhi setiap elemen dan jenis yang terdapat dalam ilmu balāghah.

Menurut Syed Arabi Idid menerusi penulisan beliau bertajuk Kaedah Penyelidikan Komunikasi Dan Sains Sosial (2002), pemilihan sebahagian daripada keseluruhan sampel untuk sesebuah kajian sudah dianggap mewakili keseluruhan sampel dan akan menghasilkan kesimpulan yang sama. Justeru melalui kajian ini penyelidik tidak mengkaji kesemua kisah bagi kedua-dua jilid. sebaliknya hanya memilih jilid pertama yang merangkumi sebanyak 20 kisah daripada keseluruhan tiga puluh lapan buah kisah dari kitab al-Bukhalā' untuk dikaji. Hal demikian kerana, pengkaji mendapatkan dua puluh kisah yang dipilih di dalam jilid pertama kitab tersebut telahpun mewakili keseluruhan kisah lain yang dimuatkan di dalam jilid kedua daripada kitab yang sama. Dua puluh daripada tiga puluh lapan merupakan satu bilangan yang mencukupi daripada segi signifikannya. Kesignifikanan yang dimaksudkan di sini adalah dua puluh kisah yang dipilih telah mewakili lapan belas lagi kisah lain yang mempunyai persamaan dari sudut elemen balāghah di dalamnya.

1.7 Definisi Operasional

Sebelum memulakan penulisan, pengkaji akan menjelaskan definisi yang digunakan terlebih dahulu agar huraihan dan perbincangan yang disampaikan menepati keperluan tajuk yang ingin disampaikan oleh pengkaji. Berikut merupakan definisi bagi istilah yang digunakan dalam kajian ini:

1.7.1 Elemen balāghah

Elemen balāghah di sini bermaksud segala unsur yang berkaitan dengan salah satu daripada cabang ilmu balāghah yang tiga iaitu ilmu Bayān, ilmu al-Ma‘āni dan ilmu Al-Badī‘ serta pecahan-pecahan yang terkandung di dalam setiap cabang tersebut. Antara pecahan tersebut di dalam ilmu Bayān ialah Tasybīh, Isti’ārah, Majāz al-Mursal , Kināyah dan sebagainya. Manakala dalam ilmu al-Ma‘āni pula topik yang bakal diulas ialah; Uslūb al-Insyā’, Uslūb al-Khabar, Ithnāb, Musāwāh dan Qasru. Seterusnya dalam ilmu Bayān memfokuskan kajian mengenai Jinās, Muqābalah, Ṭibāq dan Iqtibās.

Ahli bahasa mentakrifkan Ilmu balāghah sebagaimana berikut:

“Penyampaian makna yang unggul serta jelas, pemilihan ungkapan yang betul dan lancar, memberikan kesan dan tarikan yang mendalam kepada diri seseorang, kesesuaian setiap ucapan yang dilafazkan dengan tajuk perbincangan, bersesuaian dengan orang yang ditujukan percakapan itu” (al-Jarim dan Mustapa 1951: 8).

Selain itu menurut Sobariah (18:2008), balāghah juga bermaksud, kajian tentang teknik dan gaya penggunaan bahasa secara berkesan samada dalam penulisan atau pertuturan. Ia juga bermaksud seni pengungkapan bahasa yang indah dan menarik. Pemilihan ungkapan ini bertujuan untuk memujuk atau mempengaruhi jiwa dan pemikiran pendengar atau pembaca. balāghah merupakan seni atau disiplin berkaitan penggunaan wacana sama ada dalam penulisan atau pengucapan dengan tujuan menyampaikan, memaklumkan, dan mempengaruhi khalayak.

Dalam kajian ini, balāghah adalah berkaitan dengan penggunaan bahasa yang mempunyai nilai seni yang terdapat dalam karya al-Jāhiz . Ciri-ciri bahasa yang berseni yang akan diteliti dalam karya tersebut ialah, elemen balāghah, jenis dan keindahannya di dalam sesuatu ayat.

Al-Asmar dan Raji(1998) pula berpendapat, antara ulama' terawal seperti al-Imam al-sakkaki , al-Jurjāni dalam kitabnya Dalail al-I‘jaz dan al-Qazwini di dalam kitab beliau al-Idhāh serta ulama' terkemudian seperti al-Hasyimi di dalam karya bernama jawāhir balāghah.

1.7.2 Al- Bukhalā'

Dari segi istilah bahasa, perkataan al-Bukhalā' ini adalah kata pinjaman daripada kata kerja بَخْلَةً yang bermaksud bakhil. al-Bukhalā' adalah kata nama pelaku dalam bentuk jamak yang bermaksud ‘orang-orang bakhil’.

Sebahagian besar pengkritik Arab berpendapat bahawa Kitab al-Bukhalā' merupakan sebuah dokumen sejarah yang memaparkan sebahagian kecil dari sudut kehidupan yang pernah dilalui oleh masyarakat Abbasiyyah. Kitab al-Bukhalā' ini merupakan dokumen sejarah berharga yang memainkan peranan penting dalam mengetengahkan gaya hidup dan falsafah golongan yang memiliki sikap kedekut dan bakhil. Kitab ini merupakan satu usaha memperbetulkan minda dan sikap golongan dan kelompok orang-orang bakhil ini agar cuba mempertahankan nilai kedermawanan dan sikap pemurah yang menjadi nilai hidup bangsa Arab sejak turun temurun (Hafiz:2004).

Pandangan ini disanggah oleh al-‘Awamiri Bek (1991), dalam pendahuluan kitab al-Bukhalā' yang menyatakan bahawa al-Jāhiz ada kalanya membela golongan bakhil pada satu ketika dan adakalanya mencela dalam masa yang sama sikap tersebut. Ini menyebabkan sukar bagi pembaca untuk menilai adakah al-Jāhiz benar-benar mencela sikap bakhil ataupun sebaliknya. Mungkin juga al-Jāhiz melihat bahawa sikap bakhil ini merupakan satu nilai yang baik yang perlu ada bagi sebahagian manusia. Justeru itulah beliau mendatangkan cerita-cerita tentang orang-orang bakhil dan falsafah mereka terhadap bakhil sehingga membuatkan pembaca berfikir disamping terhibur dengan falsafah lucu yang dipegang oleh mereka.

Dari sudut yang berbeza pula, kita melihat dalam kitab ini, al-Jāhiz cuba mengetengahkan hujjah demi hujjah yang diguna pakai oleh orang-orang bakhil yang adakalanya cenderung kepada kebenaran seperti berjimat cermat dan tidak boros dan membazir serta terurus di dalam menguruskan perbelanjaan. Bahkan penggunaan ayat-ayat al-Quran mahupun al-Hadis yang menyokong hujah golongan ini turut diketengahkan.

Menurut al-‘Awamiri Bek (1991) lagi, sekiranya al-Jāhiz bersikap neutral ataupun berkecuali dengan tidak memihak kepada mana-mana pihak maka karya beliau ternyata telah berjaya mencapai satu matlamat melalui dua unsur yang telah beliau gabungkan dalam karyanya, iaitu pertama, unsur lawak jenaka yang didapati dalam cerita-cerita. Unsur ini boleh menghilangkan perasaan jemu dan bosan bagi pembaca terutamanya bagi golongan peringkat kanak-kanak mahupun golongan usia pertengahan.

Unsur kedua pula adalah unsur perdebatan dan mengetengahkan hujjah dan pendekatan nilai falsafah. Kedua-dua unsur ini apabila digabungkan maka ia menghasilkan satu nilai baharu yang disebut sebagai al-bayan. (Ahmad al-‘Awamiri Bek : 1991)

1.8 Kesimpulan

Bab pertama ini merupakan bab pengenalan kepada kajian pengkaji. Dalam bab ini, perbincangan adalah berkenaan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, persoalan kajian dan kepentingan kajian. Seterusnya, pengkaji juga telah membincangkan berkenaan batasan kajian dan turut menyenaraikan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini supaya kajian ini akan menjadi lebih fokus dan terarah.

Pada bab kedua akan dibincangkan mengenai sorotan kajian yang berkaitan dengan skop kajian yang antaranya, mengenai ilmu balāghah, kepentingan ilmu balāghah, pengertian ilmu balāghah, pembagiannya serta sejarah perkembangan ilmu ini. Dalam bab ini juga pengkaji turut mengetengahkan karya al-Bukhalā’ dan pengarangnya al-Jāhiz serta sumbangan beliau secara tidak langsung dalam perkembangan ilmu balāghah.

Metodologi kajian pula akan dinyatakan di bab ketiga. Ini termasuklah perbincangan berkaitan metodologi kajian secara keseluruhan, termasuk teori balāghah yang digunakan. Selain itu, perkara-perkara penting lain seperti sampel kajian, kaedah pengumpulan data dan instrumen kajian turut dijelaskan dalam bab ini. Di penghujung bab 3, pengkaji menyatakan kaedah yang digunakan dalam menganalisis kajian ini. Seterusnya bab empat membincangkan dapatan daripada data yang diproses bagi mencapai objektif kajian.

Bab lima merupakan bab yang terakhir yang membincangkan kesimpulan kajian. Antara perbincangan yang dibuat dalam bab ini ialah beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh menjadi fokus perbincangan di kalangan pengkaji lain untuk masa akan datang.



RUJUKAN

- Ābd al-Muta‘al As-Sa‘idi. *Balaghah al-‘Al-yah ‘ilm al-Ma‘ani*. Tt.(35) Qaherah Mesir.
- Abdul Qadir Husein (2005). *Fannu balāghah*. Dar al-Gharib lil ittiba’ah wa al-Nasyr
- Abu Abdullah Hanafi bin Haji Dollah (2015). *Qamus al-Khalil al-Islamiy*. Darul Syakir. (909)
- Abu al-Abbas, ‘Ābdullah billah. bin Muhammad bin al-Mu’taz (wafat 296H) (1990). *Al-badi‘ fī al-Badi‘*. Mesir : Dar al-Jayl li al-Tiba‘ah. Cetakan pertama
- Ahmad bin Ibrahim bin Mustafa bin al-Hashimi (1963). *Jawahir Balaghah fi al-Ma‘ani wa al-Bayan Wa al-badi‘*. Mesir : Dar al- Jail li al-Tiba‘ah, cetakan pertama.
- Ahmad Matlub (1980). *Asalib balāghiyyah*. Qaherah. Dar al-Gharib li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi‘.
- Al- Quran al-Karim
- Al-Asmar, Raji (1998). *Balāghah al-Arabiyyah al-Wadiha*. Beirut: Maktabah al-Thaqafah
- Al-baghdadi, Abu Bakar Muhammad bin ‘Ali al-Khatib. (tt). *Tarikh Bagdad* . Beirut : Dar al-Kitab al-‘Arabi
- Al-Baqillāni, Abu Bakar Muhammad (1963). *I‘jaz al-Quran*. Qaherah. Dar al-Ma‘ārif.
- Al-Bukhāri, Muhammad isma‘il (2009). *Sahih al-Bukhariy*. Beirut. Dar ibn al-hazm
- Al-Farrā‘ (1955). *Ma‘āni Quran* (tt). *Tarikh Bagdad*. Beyrut : dār al-Kitāb al-‘Arabiya.
- Al-Hashimi, Ahmad (1994). Ahmad Bin Ibrahim Bin Mustafa. *Jawahirul Balaghah fil Ma‘āni wal Bayān wal Badi‘*. Beyrut: al-Maktabah al-Asyriah.
- ‘Ali Abdul Jalil (2004). *Raid, al-Bayan al Arab – Haytuhu, Thaqafatuhu wa Kutubuhu*. Muassasah al-Hurs al-Dauliyyah. Mesir
- ‘Ali I.A (2009). *Stiliska Teori, Metode dan Aplikasi Pengkajian Estetika Bahasa Karanganyar*: Cakra Books.

Al-Jāhiz, Abu Uthman ‘Amru bin Bakar bin Mahbub (1958). *Al-Hayawan*. Qaherah: Syarikah maktabah Mustafa al-bab al-Halabi

Al-Jāhiz, Abu Uthman ‘Amru bin Bakar bin Mahbub (tt) . *Al-Bayān Wa al-tabyin*. Qaherah : Syarikah Maktabah Mustafa al- bab al-halabiy

Al-Jāhiz, Abu Uthman ‘Amru bin Bakar bin Mahbub (tt). *Al-Bayan wa al-tabyin*. Qaherah: Syarikah maktabah Mustafa al-bab al-Halabi

Al-Jāhiz, Abu Uthman ‘Amru bin Bakar bin Mahbub. *Al-Hayawan*. Qaherah: Syarikah maktabah Mustafa al-bab al-Halabi

Al-Jārim ‘Ali dan Mustafa Amin (1979). *al-Balaghah al-Wadhihah*. Lubnan : Beirut Dār al-Ma‘arif.

Al-Jārim ‘Ali dan Mustafa Amin (2007). *al-Balaghah al-Wadhihah*. Lubnan : Beirut Dār al-Ma‘arif.

Al-Khālidiy, Salah Abdul Fattah (2001). *I‘jaz al-Quran al-bayaniy Wa Dalail Masdarihi al-Rabbaniy*. Amman: Dar ‘Ammar.

Al-Maraghiy, Ahmad Mustafa (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Qaherah: Syarikat Maktabah wa Matba‘ah Mustafa.

Al-Munazzamah Al-Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-Ulum. (tt). *Al-Mu‘jam Al-Arabiyy al-Asasiy*. Larous

Al-Qayrawaniy, Ibn Rasyiq Abi ‘Ali bin Hasan (w463H) (2001). *Al-‘Umdah Fi Mahasin al-Syi‘ri Wa Adabih*. Beirut: Dar al kutub Al-Ilmiyyah

Al-Qazwini (1993). *Al-īdhah Fi ‘Ulūm al-Balāghah*. Tahqiq Abdul Mun‘im al-Khafaji. Maktabah al-‘Arabiyyah li al-Turas

Al-Qurtubi. Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakar (2006). *Al-Jami‘ Li Ahkam Al-Quran*. Beirut: Mu‘assasah al-Risalah.

Al-Rafi‘i, Mustafa Sadiq (1990). *I‘jaz Quran wa balaghah al-nabawiyyat*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabiyy.

Al-Sā‘idi, Abdul Muta‘al (1991). *Balāghah Āliyyah fī ‘ilm Ma‘ani*. Qaherah: Maktabah al-Adab wa Matba‘aha.

Al-Sayūti, Jalaluddin (1996). *Tarikh al-Khulafa’*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.

al-Shabuni, Muhammad ‘Ali (1986). *Sofwatu al-tafasir*. Beirut : Dar al-Quran al-Karīm.

Al-Tabari, Abu Ja‘afar Muhammad bin Jarir bin Yazid (2001). *Tafsir al-Tabari: ta‘wil Musykil al-Quran*. Tahqiq Abdullah bin Abdul Muhsin. Dār al-Hijrah li al-Nasyri wa al-Tauzi‘ wa al-I‘lān.

Al-Tirmizi, Abu Isā Muhammad bin ‘Isā (tt). *Al-Jami‘ as-Sahih Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar Ihya’ al-turath al-‘Arabiyy.

Al-Yasu‘ i, Victor Shalt (1946). *Al-Nuz‘ah al-Kalamiyyah fi uslub al-Jahiz*. Qaherah : Dar al-Ma‘arif.

Al-Zayyat, Ahmad Hassan (1978). *Tarikh al-Adab al-‘Arabiyy*. Beirut : Dar al-Thaqafah

‘Amir Syattuh (2009). *Malāmih al-tafkir al-Simiya‘I fi al-Lughah ‘inda al-Jahiz min khilal al-bayan wa al-Tabyin*. Tesis Master.

Ammarah Sam (2003). *Nuzhah fi Kitab al-Bukhala‘*. Yarmouk University; Al-Turath al-Arabiyy.

‘Askari, Abu Hilal (1989). *Al-Sina‘atayn : al-Kitabah wa al-syi‘ru*. Beirut.

‘Ātiq, Abd al-Aziz (1985). *Fi Balāghah al-‘Arabiyyah*. Beirut: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah

‘Ātiq, Abd al-Aziz (tt). ‘ilm al-Ma‘ani – al-Bayān – al-Badi‘. Beirut Dar al-Nahdah al-‘Aliyyah.

‘Ātiq, Abd al-Aziz.(1945 *Fil Balaghah al-‘Arabiyyah*. Beirut. Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah

Azamuddin, Nor Azamuddin Umar. (2012). *Analisis struktur ayat dalam Surah Maryam: Satu kajian I‘jaz al-Quran*. Tesis PHD Universiti Malaya.

Azizi hj Yahya (2006). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan teori Analisis dan Interpretasi data*. PTS Profesional and Publication.

Bogdan. Robert C & Biklen, Sari Knopp, (1998). *Qualitative research for education – an introduction to theory and methods*. Ed. Ke.3 America, Allyn & Bacon, hlm. 316.

Dawud Ghattashah & Mustafa Muhammad (2009). *Dirāsāt Adabiyyah Naqdīyyah fi al-Funun al-Nathariyyah*. Amman : Dār al-Fikr.

Enos T, Brown S.C (1993). *Defining the new Rethorics*. New York : Sage Publication.

Fadl Hasan Abbas (1996) *Balāghah Fununuha wa Afhanuha (ilm al-Bayān wa al-Badi‘ wa al-Ma‘aniy)*. Amman. Dar al-Furqān li al-Nasyri wa al-Tauzi‘.

Fawwaz As-Sya‘r (1999). *Al-Adab Al-‘Arabiyy*. Beirut : Dār al-Jayl.

Gazi Tulaimat & Arfan al-Ashqar (2002). *Al-Adab al-Jahili*. Damsyik: Dār al-Fikr

- Ghanim Jawwad Ridha (1975). *Ar-Rasā'il al-Fanniyah fi al-'Asr al-Islamiy hatta nihayah al-'Asri al-Umawiy*. Tesis sarjana Universiti Baghdad.
- Habannakah, Hasan 'Abdul Rahman (1996). *Balāghah al-'Arabiyyah : Usususah wa 'Ulumuha wa Fununuha*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Hafiz Raqiq (2004). *Adabiyyah Nadirah : Dirasah Fi Bukhala' al-Jahiz*. Tunis : Somid li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Hamid tahir (2010), *Dzahirah al-Bukhl 'inda al-Jahiz: Dirasah Nassiyyah*. Qaherah mesir.
- Hana Fakhuri (1991). *Al-Jami' Fi Tarikh al-Adab al-Arabi*. Qaherah : Dar al-Jayl.
- Hayat Muhammad 'Ali al-Khudaidi (2007). *Anmath al-Jumlah Fi Rasail al-Khulafa' al-Rasyidin: Dirasah Tarkibiyyah dilaliyyah*. Tesis Sarjana Universiti Ummu al-Qura
- Husein Abdul Raof (2006). *Arabic Rhetoric : A Pragmatic Analysis*. Routledge.
- Ibrahim Anis, Muntasar Abdul Halim . *Al-Sawahiy & Tiyyah*. Khalafullahir Qumaiyah
- Ibrahim Mustafa, Ahmad Hassan Az-Zayyat, Hamid 'Abdul Qadir & Muhamad 'Ali al-Najjar (1989). *Al- Mu'jam al-Wasith*. Istanbul : Dar Ad-Dawah.
- Ibtisam Mustafa (2009). *Shi'r al-Fath al-Islamiy Li Bilad As-Sham fi 'Ahdi al-Khalifatain Abi Bakr Wa 'Umar*. Tesis Sarjana. The Islamic Universiti of Ghaza.
- 'Izzuddin Isma'il (1975). *Fi al-Adab Al-'Abbasiy: al-Ru'yah wa al-Fann*. Beirut: Dar al-Nahdhah Al-'Arabiyyah.
- Jabir Qumaiyah (1986). *Adab al-Rasail Fi Sadr al-Islam: 'Ahd an-nubuwwah*. Qaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Jarrat S.C (1991) . Rereading the Sophist: Classical Rhetoric Refigured. Carbondale and Edwardsville : Southern Illinois University Press.
- Kamus Dewan(2005). Edisi ke-Empat. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Khairul, Anwar Hj Mohd 'Ali (2016). *Kajian Estetika dalam surat-surat perang pada zaman khulafa' ar-rasyidin*. Tesis Sarjana : Upm
- KillingsWorth M.J (2005). *Appeals in modern Rhetoric: An Ordinary language Approach* : Illinois : Southern Illinois University Press.
- Kroeber, karl (1971). *Styles in Fictional Structure*. New Jersey. Princeton University Press.

- Lanham, Richard A (1971). *A Hardlist of Rhetorical terms*. Los Angeles . University Of California Press.
- Leech G. (1993). *Prinsip-prinsip Pragmatik*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia
- M. Juwayli (1990). *Nahwa Dirasah fi sosiolojiyyah al-Bukh: as-Sira' al-Ijtima'iyyah fi 'Asr al-Jahiz min khilal kitab al-bukhala'*. Dar kutub al-Ma'arif.
- Mahmud al-Miqdad (1993). *Tarikh at-Tarassul an-Nathari 'Inda al-'Arab Fi Sadri al-Islam*. Damsyi
- Mana Sikana (1998). *Teori dan pendekatan kritikan Sastera moden*, Ed ke-2, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Marshall, C & Rossman, GB (1995). *Designing California-* sage.
- Masnur, Muhammad hamzah (2012). *Qamusika (Arab-Melayu-Inggeris)*. Qaherah mesir.
- Miflah Abdullah (2012). *Ar-Rasa'il 'inda al-Amir Abdul Qadir al-Jazairiy: Muqarabah Fanniyah li ar-rasa'il as-siyasiyyah*. Journal of linguistic and Literary studies (vol3- No.2012): 169-194. Malaysia: Malaysia.
- Mohammad 'Ali Abd. Hamid Ahmad (1989). *Balaghah al-Arabiyyah wa tarikhuhu*. Qaherah tp.
- Muhammad (1987). *Al- Mu'jam al-Wasith*. Cet ke 2. Beirut : Dār al-Amwāj.
- Muhammad At-Tunji (1999). *Al-Mu'jam al-Mufassal fi al-Adab*. Beirut : Dar al-Kutub al- 'ilmīyyah.
- Muhammad Mubarak (1965). *Fann al-Qisas fi Kitab al-Bukhala' li al-jahiz*. Beirut : Dar al-fikr.
- Muhammad naghash (1982). *Al-Rasa'il al-harbiyyah fi 'Asr al-Daulah al-Ayyubiyyah*. Artikel Bil.55 & 56/1982. Madinah : Universiti Islam Madinah. Dimuat turun pada 4 April 2013 daripada <http://vb.mediu.edu.my/showthread.php?t=2120>.
- Muhammad Sukki Othman, Zawawi Ismail & Muhd Zulkifli Ismail (2009). *Halatuju pembelajaran sastera Arab:Analisis akhlaq dalam kitab Bukhala'* (pages 279-289), dalam buku prosiding wacana pendidikan Islam siri ke-7, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Muhammad Thoha Hilali (1997). *Taudhib al-badi' fi al-balaghah*. Iskandariyyah al-kutub al-Islamiy al-Hadith:6.

- Muhammad Zulkifli Ismail (2002). *Puisi Jihad pada zaman al-Murabithun di Andalus*.
- Othman Lebar (2006). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan metod*. Tanjung malim Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Qullas, Ahmad (1995). *Taysir al-Balāghah*. Jeddah : Saghar.
- Rania hamad Ibrahim (2007). *Shi'r al-Hurub wa al-Fitan fi al-Andalus: 'Asr bani al-Ahmar*. Tesis Sarjana Universiti an-Najah al-Wataniyyah. Palestine.
- Sabita marichan (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Selangor*: parentice hall pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Saher 'Ali Muhammad (2013). *Tarikh 'Asr ar-Rasyidin*. Artikel. Universiti Ummul Qura, Dimuat turun pada 17 Februari 2014 daripada <https://uqu.edu.sa/page/ar/194614>.
- Sharon Crowley, S. Hawhee D (1999). *Ancient Rhetorics for contemporary student 2nd ed*, Boston: Ally and Bacon.
- Shawqi Dayf (1960). *al-fann wa Mazahibuhu fi an-Nathr al- 'Arabiyy*. Qaherah: Dar al-Ma'arif.
- Shawqi Dayf (1961). *Tarik al-Adab al-'Arabiyy al- 'asr al-Jahiliyy*. Qaherah: Dar al-Ma'arif.
- Shawqi Dayf (1973). *Silsilah Tarikh al-Adab al- 'Arabiyy: al- 'Asru al- 'Abbasiyy al-Awwal*. Qaherah : Dār al-Ma'ārif.
- Sobariah Baharom (2008). *Retorik dalam novel Abdullah Husin*. Tesis Phd dalam bidang retorik. UPM
- Syafiq jabri (1948). *Al-Jahiz Mu'allim al- 'Aqli wa al- 'adab*. Dimasyq: Dar al-Basyair.
- Talhah al-Huraib (2005). *Ar-Rasa'il min Alwan al-Nathr al- 'Arabiyy*. Artikel majalah yaumiyah siyasiyyah. Damsyik: Muassasah al-Wehdah. Dimuat turun pada 28 oktober 2010.
- Umar farukh (tt). *Tarikh al-Adab al- 'Arabiyy fi al- 'Asr al- 'Abbasiyyah*. Beyrut: Dār al-'il al-Malayin.
- Ungku Maimunah (2010). *Cerita:kedudukan dan peranannya dalam karya kreatif penulis wanita sebelum merdeka*. Gema Online™ Journal of language studies volume 10(2).117-129.
- Wahab Muhsin, Fuad Wahab (1986). *Pokok-pokok ilmu balaghah*. Bandung Angkasa.

Wahbah Zuhaili (1991:10). *Al-Tafsir al-Munir fi al-‘Aqidāt wa- al-Syari‘āt*. Beirut: Dar al-Fikr.

Yahya Ahmad Ramdhan (2011). *As-Surah al-fanniyyah fi shi‘ri al-futuhat alislamiyyah fi ‘ahdi al-khulafa’ ar-rasyidin*. Tesis Sarjana. The Islamic university of Gaza.

Zahazan Mohamed (2001). *Al-Fasl dan al-Wasl: satu analisis dalam surah al-mulk*. Dissertation (M.M.L.S)- Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya

Zainah Abdul Jabbar (2004). *Al-Rasail Fanniyyah fi al-‘asr al-‘Abbasiyy hatta nihāyah al-Qarni al-rabi‘ al-Hijri: Dirāsah Uslubiyyah*. Tesis Phd. University Baghdad.

Zamri Ariffin (1994). *Al-jahiz serta sumbangan beliau dalam penulisan kreatif*. Tesis Sarjana.

Zamri Ariffin (2005). *The Islamic Tendency in al-Jahiz’s prose works: a study of selected text from the Rasa’il al-Jahiz collection*. Tesis PHD

Zulkarnain Mohamed (2003). *Estetika dalam surah Yusuf*. Jurnal islamiyyat (Bil. 24. 2003) 3-19 Malaysia UKM